

Media Title : Harian Metro
Headline : Suri rumah hilang RM400k
Date : 25 April 2024
Section : Lokal
Page : 13



Suri rumah hilang **RM400k**

Johor Bahru: Seorang suri rumah kerugian RM400,000 akibat menjadi mangsa *scammer* yang menyamar sebagai kakitangan perkhidmatan penghantar kiriman serta pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, mangsa wanita tempatan berusia 46 tahun membuat laporan ditipu pada 22 April lalu.

Beliau berkata, mangsa yang juga suri rumah mendakwa menerima panggilan telefon dari-

pada individu yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai perkhidmatan penghantar kiriman pada 6 Mac lalu.

Menurutnya, individu itu mendakwa mangsa mempunyai bungkusan mengandungi barang peribadi miliknya.

Katanya, mangsa kemudiannya disambungkan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis sebelum dia dituduh terbabit dengan pengubahan wang haram.

“Seterusnya mangsa diminta membuat bayaran

bagi menyelesaikan kes berkenaan. Mangsa mengikut arahan suspek dan membuat empat transaksi ke empat akaun bank berbeza membabitkan jumlah RM400,000.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan boleh disebat dan didenda.

“Orang ramai dinasihatkan lebih cakna dan berwaspada dengan jenayah komersil bagi mengelak menjadi mangsa penipuan,” katanya semalam.